

Tahap Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Sijil di Institusi Giatmara

Mohamad Azizi Samsudin^{1*}, Alias Masek¹

¹ *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, MALAYSIA*

*Pengarang Utama: mohamadazizi@giatmara.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/ritvet.2025.05.02.011>

Maklumat Artikel

Diserah: 18 Februari 2025
Diterima: 08 December 2025
Diterbitkan: 30 December 2025

Kata Kunci

Komunikasi, GIATMARA, Sijil
Kemahiran Malaysia, Lisan, Bukan
Lisan

Abstrak

Kemahiran komunikasi merupakan antara elemen kemahiran insaniah yang amat penting bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan di pasaran kerja. Walaupun pelajar institusi latihan kemahiran seperti GIATMARA memiliki kecekapan teknikal yang baik, ramai dalam kalangan mereka masih berdepan cabaran menguasai kemahiran komunikasi yang berkesan, sekali gus menjejaskan keupayaan untuk menyesuaikan diri dalam dunia pekerjaan yang kompetitif. Kajian ini dijalankan bagi menilai tahap kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan dalam kalangan pelajar sijil di GIATMARA serta mengenal pasti perbezaan berdasarkan faktor jantina dan lokasi tempat tinggal. Responden kajian terdiri daripada 225 pelajar sijil pelbagai bidang di beberapa GIATMARA di negeri Johor yang menjawab soal selidik yang diedarkan. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan tahap kemahiran komunikasi antara pelajar lelaki dan perempuan, di mana pelajar lelaki didapati lebih menonjol dalam kedua-dua aspek lisan dan bukan lisan. Dari segi lokasi tempat tinggal, pelajar luar bandar memperlihatkan penguasaan komunikasi lisan yang lebih baik, manakala pelajar bandar pula lebih menonjol dalam komunikasi bukan lisan. Secara keseluruhannya, faktor jantina dan lokasi didapati mempengaruhi tahap kemahiran komunikasi pelajar, walaupun tidak semua perbezaan adalah ketara. Implikasi kajian menekankan keperluan untuk merancang program pembangunan kemahiran komunikasi yang lebih inklusif dan holistik bagi melengkapkan pelajar GIATMARA dengan keupayaan komunikasi yang efektif serta berdaya saing di peringkat global.

Keywords

Communication, GIATMARA, Malaysian Skills Certificate (SKM), Verbal, Non-verbal

Abstract

Communication skills are among the essential skills that significantly contribute to the employability of graduates in the job market. Although students in technical training institutions such as GIATMARA possess strong technical competencies, many still face challenges in mastering effective communication skills, which in turn affect their adaptability in today's competitive working environment. This study was conducted to evaluate the level of verbal and non-verbal communication skills among certificate students at GIATMARA and to identify differences based on gender and residential location. The respondents comprised of 225 certificate-level students from various programs in several GIATMARA centres in Johor, who participated through a structured questionnaire. The findings revealed differences in communication skills between male and female students, with male students demonstrating stronger performance in both verbal and non-verbal aspects. In terms of residential location, students from rural areas showed better verbal communication skills, while urban students performed better in non-verbal communication. Overall, gender and residential location were found to influence students' communication skills, although not all differences were significant. The implications of the study highlight the need to design more inclusive and holistic communication development programs to equip GIATMARA students with effective communication abilities and enhance their competitiveness in the global workforce.

1. Pendahuluan

Kemahiran komunikasi, termasuk komunikasi teknikal, diiktiraf sebagai salah satu elemen soft skills paling kritikal bagi graduan TVET dalam meningkatkan kebolehpasaran serta prestasi profesional mereka (Halik Bassah & Mohd Asri, 2023). Dalam konteks Malaysia, walaupun institusi seperti GIATMARA berjaya membangunkan kemahiran teknikal pelajar, kelemahan dalam komunikasi masih menimbulkan kebimbangan—terutamanya dalam aspek lisan, bukan lisan, dan penggunaan Bahasa Inggeris di tempat kerja (Suhaili et al., 2025; Ramamurthy et al., 2020).

Kepentingan komunikasi bukan hanya untuk interaksi harian, tetapi juga sebagai alat kritikal dalam menyampaikan pengetahuan teknikal dalam lingkungan industri IR4.0. Proses ini mencakupi pengucapan jelas, penggunaan terminologi khusus, dan penerapan komunikasi teknikal yang efektif (Ramamurthy et al., 2020). Tambahan pula, sektor berasaskan perkhidmatan turut menuntut fleksibiliti komunikasi, kecekapan pengurusan konflik, serta keupayaan memberi perkhidmatan pelanggan yang cemerlang pasca-pandemik COVID-19 (Dzia-Uddin et al., 2024). Melalui kajian yang dijalankan oleh Pihak Majlis Tindakan ekonomi Negara (MTEN) pula, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pelajar sukar untuk mendapatkan pekerjaan salah satunya adalah tidak mempunyai berkemahiran komunikasi. Menurut Mohd Ishar (2022) kelemahan para pelajar dalam kemahiran insaniah seperti komunikasi dan penguasaan bahasa Inggeris menyebabkan mereka tidak mendapat tempat di industri. Turut disokong Luna (2019) 40% pelajar lemah dalam bidang komunikasi menyebabkan mereka tidak diterima untuk bekerja. Kelemahan ini bukan sahaja memberi kesan kepada kebolehpasaran graduan tetapi juga membataskan keupayaan mereka untuk beradaptasi dalam persekitaran kerja yang memerlukan komunikasi efektif dalam pelbagai konteks (Mohd Ishar, 2022).

GIATMARA dipilih sebagai tumpuan kajian kerana ia merupakan institusi latihan kemahiran di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang menawarkan program sijil kemahiran kepada belia bandar dan luar bandar. Dengan lebih daripada 200 pusat latihan di seluruh negara, GIATMARA memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga kerja mahir serta usahawan bumiputera (Abdul Rahman et al., 2022). Walau bagaimanapun, walaupun pencapaian teknikal pelajar GIATMARA diiktiraf, pelbagai kajian menunjukkan kelemahan dalam kemahiran komunikasi masih menjadi antara faktor penghalang kebolehpasaran mereka (Ismail et al., 2024). Hal ini menjadikan GIATMARA medan penting untuk menilai sejauh mana pelajar mampu menguasai kemahiran komunikasi sebagai pelengkap kepada latihan teknikal yang diperoleh.

Berdasarkan konteks tersebut, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan dalam kalangan pelajar sijil di GIATMARA serta mengenal pasti perbezaan berdasarkan faktor jantina dan lokasi tempat tinggal (bandar dan luar bandar). Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan

kepada institusi TVET dalam merangka modul latihan yang lebih holistik, seterusnya melahirkan pelajar yang bersedia memenuhi kehendak industri dan berdaya saing di peringkat global.

1.1 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan dalam kalangan pelajar sijil di GiatMara Johor.
- ii. Mengenal pasti perbezaan tahap kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan dalam kalangan pelajar bandar dan luar bandar di GiatMara Johor.
- iii. Mengenal pasti perbezaan tahap kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan dalam kalangan pelajar di GiatMARA Johor dari aspek jantina.

1.2 Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada penilaian tahap kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan dalam kalangan pelajar Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) pelbagai bidang di GIATMARA Johor. Skop komunikasi lisan merujuk kepada keupayaan pelajar menyampaikan idea, maklumat, dan pandangan secara verbal dengan berkesan dalam konteks akademik dan profesional. Skop komunikasi bukan lisan pula melibatkan aspek seperti bahasa tubuh, ekspresi wajah, intonasi suara, kontak mata, dan gerak isyarat yang berfungsi melengkapkan serta menguatkan mesej yang disampaikan. Kajian ini turut meneliti perbezaan tahap kemahiran komunikasi berdasarkan faktor jantina dan lokasi tempat tinggal (bandar dan luar bandar). Oleh itu, skop kajian adalah terhad kepada komunikasi lisan dan bukan lisan sahaja, tanpa melibatkan bentuk komunikasi lain seperti komunikasi bertulis atau komunikasi digital.

2. Sorotan Kajian

Kemahiran komunikasi merupakan salah satu elemen kemahiran insaniah yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan majikan, khususnya dalam era pekerjaan global yang sangat kompetitif. Graduan TVET bukan sahaja perlu menguasai kemahiran teknikal, tetapi juga kemahiran komunikasi yang berkesan bagi memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan keperluan industri. Kajian oleh Halik Bassah dan Mohd Asri (2023) menegaskan bahawa majikan menilai kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, penyelesaian masalah, kerja berpasukan, keusahawanan, dan etika profesional sebagai antara faktor utama kebolehpasaran graduan.

Dalam sektor perkhidmatan pula, kemahiran komunikasi dilihat sebagai komponen penting yang menyumbang kepada kejayaan kerjaya. Kajian oleh Dzia-Uddin et al. (2024) menunjukkan bahawa graduan TVET dalam bidang hospitaliti perlu menguasai kemahiran komunikasi yang merangkumi keupayaan menyampaikan maklumat, berinteraksi dengan pelanggan, mengurus konflik, serta berkolaborasi secara efektif. Kekurangan dalam aspek ini boleh menjejaskan tahap kepuasan pelanggan dan imej organisasi.

Selain itu, penguasaan bahasa turut menjadi isu penting. Kajian oleh Suhaili et al. (2025) mendapati bahawa kemahiran komunikasi dalam Bahasa Inggeris di tempat kerja memainkan peranan penting dalam membentuk imej profesional graduan TVET dan menyumbang kepada prestasi kerja yang lebih baik. Dapatan ini mengukuhkan pandangan bahawa komunikasi bukan sahaja berkaitan penyampaian mesej, tetapi juga aspek imej dan profesionalisme graduan.

2.1 Komunikasi Lisan

Kemahiran lisan merujuk kepada kebolehan menyampaikan maklumat, idea, dan pandangan secara verbal dengan jelas, meyakinkan, dan sesuai dengan konteks. Dalam TVET, ia merangkumi keupayaan pelajar menjelaskan prosedur, menyampaikan arahan kerja, dan berinteraksi dalam situasi teknikal. Kajian menunjukkan bahawa majikan menilai kemahiran lisan sebagai salah satu faktor utama kebolehpasaran graduan, selain penguasaan teknikal (Halik Bassah & Mohd Asri, 2023; Ramamurthy et al., 2020). Kekurangan dalam aspek ini boleh menjejaskan keberkesanan komunikasi, produktiviti, serta imej profesional graduan.

2.2 Komunikasi Bukan Lisan

Kemahiran bukan lisan melibatkan bahasa tubuh, ekspresi wajah, intonasi suara, kontak mata, dan gerak isyarat yang berfungsi melengkapkan komunikasi verbal. Dalam TVET, ia penting dalam latihan industri, interaksi pelanggan, serta kerja berpasukan kerana ia mempengaruhi keyakinan dan profesionalisme pelajar. Majikan turut menilai aspek ini sebagai indikator profesionalisme dan keberkesanan penyampaian graduan (Dzia-Uddin et al.,

2024; Suhaili et al., 2025). Penguasaan komunikasi bukan lisan yang baik membantu pelajar TVET menyampaikan maklumat teknikal dengan lebih berkesan dan menonjolkan imej profesional di peringkat global.

3. Rekabentuk Kajian

Reka bentuk kajian merujuk kepada kerangka sistematik yang digunakan oleh penyelidik untuk merancang dan melaksanakan kajian bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan (Creswell & Creswell, 2023). Ia memainkan peranan penting dalam memastikan data yang dikumpulkan adalah sahih, boleh dipercayai, dan dapat menjawab persoalan kajian dengan tepat (Saunders et al., 2022). Pemilihan reka bentuk kajian bergantung kepada tujuan kajian, jenis data yang diperlukan, dan kaedah analisis yang digunakan (Bryman, 2021). Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif telah digunakan bagi mengenal pasti tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar sijil di GiatMARA serta menilai perbezaan berdasarkan faktor jantina dan lokasi tempat tinggal (bandar dan luar bandar). Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengukuran data secara objektif serta penggunaan analisis statistik untuk mendapatkan dapatan yang sahih (Zainuddin et al., 2023). Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian tinjauan deskriptif (descriptive survey research). Kajian tinjauan deskriptif bertujuan untuk membuat gambaran menyeluruh mengenai fenomena yang dikaji berdasarkan data yang diperoleh daripada sampel populasi (Creswell, 2023).

3.1 Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian kuantitatif, pemilihan responden memainkan peranan penting dalam menentukan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan (Creswell & Creswell, 2023). Responden kajian ini terdiri daripada pelajar Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di GIATMARA Johor kerana mereka mewakili kumpulan sasaran utama yang sedang mengikuti latihan kemahiran teknikal serta merupakan bakal tenaga kerja industri. Pemilihan sampel ini adalah signifikan kerana pelajar GIATMARA sering dikaitkan dengan pencapaian teknikal yang baik, namun masih berdepan cabaran dari aspek penguasaan kemahiran komunikasi, justeru sesuai untuk dijadikan subjek kajian (Ismail et al., 2024).

Bagi menentukan saiz sampel yang sesuai, kajian ini menggunakan Jadual Krejcie dan Morgan (1970), iaitu rujukan standard yang meluas digunakan dalam penyelidikan sosial dan pendidikan untuk memastikan kebolehpercayaan sampel (Kumar, 2022). Berdasarkan jumlah populasi seramai 425 orang pelajar, bilangan sampel minimum yang diperlukan ialah 205 orang. Namun untuk tajuk kajian ini, seramai 225 orang responden telah terlibat. Justeru, pemilihan sampel ini bukan sahaja memenuhi keperluan statistik, tetapi juga mencerminkan ciri populasi pelajar GIATMARA Johor secara representatif, seterusnya meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian.

3.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini dibangunkan dalam bentuk soal selidik menggunakan Skala Likert 5 mata, daripada skala 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden seperti jantina, umur, bangsa, pusat pengajian, dan lokasi kediaman. Bahagian B terdiri daripada item berkaitan tahap penguasaan kemahiran komunikasi lisan yang diadaptasi daripada Cormier (1999). Bahagian C pula mengandungi item berkaitan tahap penguasaan kemahiran komunikasi bukan lisan yang diadaptasi daripada Griffin (1985). Secara keseluruhannya, soal selidik ini mengandungi 45 item, dengan 10 item bagi Bahagian A, 20 item bagi Bahagian B, dan 15 item bagi Bahagian C.

Bagi memastikan kesahan instrumen, soal selidik ini melalui proses content validation oleh tiga orang pakar dalam bidang TVET dan komunikasi yang menilai kesesuaian, kejelasan, dan keselarasan item dengan objektif kajian. Instrumen ini juga telah melalui ujian kebolehpercayaan (reliability test) menggunakan pekali Cronbach's Alpha melalui analisis awal ke atas sampel perintis seramai 30 orang pelajar. Hasil analisis menunjukkan nilai pekali Cronbach's Alpha melebihi 0.70 untuk semua konstruk, sekali gus membuktikan bahawa instrumen ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang memuaskan (Creswell & Creswell, 2023).

Data yang dikumpul akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 27, dengan kaedah analisis deskriptif untuk mengenal pasti tahap kemahiran komunikasi, serta ujian inferensi seperti korelasi dan ujian-t bebas bagi menguji hipotesis yang dibina.

Jadual 1: Keterangan Bagi Setiap Item Borang Senarai Semak

Bahagian	Bilangan Item	Perkara
Bahagian A	5	Demografi Responden
Bahagian B	20	Komunikasi Lisan
Bahagian C	20	Komunikasi Bukan Lisan

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Pelajar berupaya menyampaikan maklumat dengan jelas, menggunakan intonasi suara, ekspresi wajah dan gerak isyarat bagi menyokong mesej yang disampaikan. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dari segi keyakinan diri dan konsistensi dalam penggunaan bahasa tubuh. Dapatan ini selaras dengan Halik Bassah dan Mohd Asri (2023) yang menegaskan bahawa kemahiran komunikasi merupakan kompetensi insaniah penting yang perlu diberi penekanan dalam pendidikan TVET. Dzia-Uddin et al. (2024) turut menekankan bahawa pelajar TVET memerlukan latihan komunikasi berterusan untuk meningkatkan keupayaan bersaing dalam industri.

Analisis ujian-t menunjukkan bahawa bagi kemahiran komunikasi lisan, tiada perbezaan signifikan antara pelajar bandar dan luar bandar. Hal ini menandakan faktor geografi tidak memberi kesan ketara terhadap kebolehan pelajar menyampaikan maklumat secara verbal. Keadaan ini boleh dijelaskan melalui kurikulum GIATMARA yang seragam dan peluang pembelajaran yang sama untuk semua pelajar tanpa mengira latar belakang lokasi (Azman et al., 2022).

Namun, terdapat perbezaan signifikan bagi kemahiran komunikasi bukan lisan, di mana pelajar bandar menunjukkan tahap penguasaan lebih baik berbanding pelajar luar bandar. Pelajar bandar lebih cenderung menggunakan ekspresi wajah, nada suara dan gerak isyarat dalam menyokong mesej komunikasi. Brown dan Lee (2021) menjelaskan bahawa pendedahan kepada suasana pembelajaran kolaboratif dan interaksi formal di bandar membolehkan pelajar menguasai komunikasi bukan lisan dengan lebih baik. Sebaliknya, pelajar luar bandar lebih pasif kerana kurang terdedah kepada situasi komunikasi terbuka (Azman et al., 2022).

Jadual 2: Analisis Ujian-t untuk Kemahiran Komunikasi Lisan dan Komunikasi Bukan Lisan Pelajar Bandar dan Luar Bandar

Pembolehubah	<i>t</i>	Df	Sig.	Min Perbezaan	Cohen's d
Komunikasi Lisan	1.30	225	0.194	-0.07	0.15
Komunikasi Bukan Lisan	-1.87	225	0.047	-0.16	0.45

Hasil analisis kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam kedua-dua aspek komunikasi berdasarkan jantina. Pelajar lelaki mencatatkan tahap penguasaan komunikasi lisan dan bukan lisan yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Keputusan ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih yakin dalam menyampaikan maklumat serta lebih ekspresif ketika berinteraksi.

Dapatan ini selari dengan Smith (2020) yang menyatakan bahawa faktor sosialisasi memberi kelebihan kepada pelajar lelaki dalam komunikasi formal. Ismail et al. (2024) pula menegaskan bahawa pelajar perempuan sering berdepan dengan kebimbangan ketika berkomunikasi dalam khalayak ramai, sekali gus menjejaskan tahap keyakinan mereka. Suhaili et al. (2025) turut menekankan keperluan pendekatan pembangunan kemahiran komunikasi yang lebih inklusif dalam TVET untuk mengurangkan jurang komunikasi antara jantina.

Jadual 3: Statistik Deskriptif Kemahiran Komunikasi Pelajar Berdasarkan Jantina

Pembolehubah	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai (SD)
Komunikasi Lisan	Lelaki	169	4.15	0.71
	Perempuan	56	3.98	0.78
Komunikasi Bukan Lisan	Lelaki	169	3.75	0.82
	Perempuan	56	3.56	0.81

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mengesahkan bahawa faktor jantina dan lokasi tempat tinggal mempunyai pengaruh tertentu terhadap kemahiran komunikasi pelajar, walaupun tidak dalam semua aspek. Hal ini mengukuhkan pandangan Suhaili et al. (2025) bahawa kemahiran komunikasi, khususnya dalam bentuk verbal dan bukan verbal, merupakan domain yang perlu diperkukuh secara sistematik dalam program TVET agar graduan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran industri global.

5. Kesimpulan

Kajian ini mendapati tahap kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan pelajar GIATMARA Johor berada pada tahap sederhana tinggi, mencerminkan penguasaan asas yang baik tetapi masih memerlukan peningkatan dari segi keyakinan diri dan kejelasan penyampaian. Analisis menunjukkan bahawa faktor lokasi tempat tinggal tidak memberi kesan signifikan terhadap komunikasi lisan, namun terdapat perbezaan dalam komunikasi bukan lisan, di mana pelajar bandar lebih menonjol berbanding pelajar luar bandar. Sementara itu, faktor jantina memberi kesan jelas, dengan pelajar lelaki mencatatkan tahap penguasaan yang lebih tinggi dalam kedua-dua aspek komunikasi.

Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menegaskan bahawa faktor sosialisasi, pengalaman komunikasi, dan persekitaran pembelajaran memainkan peranan penting dalam membentuk keupayaan komunikasi pelajar TVET (Smith, 2020; Brown & Lee, 2021; Azman et al., 2022; Ismail et al., 2024; Suhaili et al., 2025). Oleh itu, pembangunan kemahiran komunikasi di GIATMARA perlu dilaksanakan secara lebih inklusif dan berterusan, sejajar dengan keperluan industri global yang menekankan kecekapan komunikasi sebagai kemahiran insaniah teras.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan kepada pihak pengurusan GIATMARA Johor atas kerjasama dan sokongan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan tanggungjawab tunggal untuk perkara berikut: konsepsi dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis dan interpretasi hasil, serta penyediaan manuskrip.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Rujukan

1. Abdul Rahman, A., Ismail, N., & Omar, S. (2022). GIATMARA and the empowerment of Bumiputera entrepreneurs. *Journal of Technical and Vocational Studies*, 8(2), 45–58.
2. Azman, N., Rahim, H., & Kamaruddin, M. (2022). The influence of learning environment on communication skills among rural and urban students. *Asian Journal of Education and Training*, 8(3), 112–121.
3. Bai Zixuan, Omar, M. K., & Mohd Puad, M. H. (2025). Employability skills and career adaptability among TVET students: What matters? *Asian Journal of Vocational Education and Humanities*, 6(1), 1–13. <https://doi.org/10.53797/ajvah.v6i1.1.2025>
4. Brown, H., & Lee, P. (2021). Non-verbal communication and collaborative learning in urban education settings. *International Journal of Educational Research*, 105, 101–115.
5. Cormier, S. (1999). *Assessment of oral communication competence*. McGraw Hill.
6. Creswell, J. W. (2023). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (7th ed.). Pearson.
7. Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2023). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (6th ed.). SAGE.
8. Dzia-Uddin, M., Salleh, M. S., & Halim, R. (2024). Communication challenges and opportunities in post-pandemic service industries. *Journal of Service Management*, 35(1), 77–93.
9. Griffin, O. (1985). *Nonverbal communication in education*. Routledge.
10. Halik Bassah, A., & Mohd Asri, A. (2023). Employability skills needed for TVET graduates in Malaysia: Perspective of industry expert. *Online Journal for TVET Practitioners*, 8(1), 1–15. <https://doi.org/10.30880/ojtp.2023.08.01.005>

11. Ismail, S., Hassan, Z., & Mohamad, N. (2024). Communication skill gaps among Malaysian TVET graduates: Employer perspectives. *Journal of Technical Education and Training*, 16(1), 33–48.
12. Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
13. Kumar, R. (2022). *Research methodology: A step-by-step guide for beginners* (6th ed.). SAGE.
14. Mohamad, N. R., Abdul Rahman, A., Soon, G. Y., & Abu Bakar, S. Z. (2024). Enhancing employability: Strategies for improving job search skills among TVET ESL graduates. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9(55), 532–541. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.955035>
15. Ramamurthy, V., Lee, C. H., & Wong, J. (2020). Technical communication skills in Industry 4.0: Implications for TVET curriculum. *Journal of Engineering and Technology Education*, 14(4), 213–229.
16. Seetha Nesaratnam, W. H. W. Salleh, & Y. V. Foo. (2020). Enhancing English proficiency and communication skills among Malaysian graduates through training and coaching. *International Journal of Learning and Development*, 10(3). <https://doi.org/10.5296/ijld.v10i4.17875>
17. Smith, J. (2020). Gender and oral communication competence in higher education. *Journal of Communication Education*, 69(2), 145–159.
18. Suhaili, H., Ahmad, N., & Rahman, S. (2025). English communication skills and employability among Malaysian TVET graduates. *Asian Journal of Technical Vocational Education*, 15(2), 99–115.
19. Surina Nayan, & Suhaimi Nayan. (2024). The importance of employability skills to TVET and non-TVET graduates. *Jurnal Intelek*, 19(2), 88–102. <https://doi.org/10.24191/ji.v19i2.26513>
20. Zainuddin, N., Hamid, S., & Omar, F. (2023). Quantitative research design in Malaysian TVET studies. *Malaysian Journal of Social Sciences*, 18(1), 22–35.